

☒ Berita Harian
☐ Berita Minggu
Tarikh: 31/8/2012
Hari: Khamis
Ruangan: Ws: H2

Oleh Fatm Farhana Ariffin
bhhb@bharuan.com.my

SEPERTI Mirwana yang beralih ke pop kontemporari, Firdaus juga melabelkan diri mereka kini kumpulan vokal berharmoni yang menyampaikan mesej sejagat, berinspirasi latar belakang muzik pop.

Bergerak di bawah syarikat milik sendiri iaitu De Firdaus Entertainment, kumpulan dianggotai Mohamad Tarmidi Mahli, 36; Mohd Idzwan Yaacob, 35; Mohd Fairuz Zaiyati, 31; Mohd Iswandi Wasli, 34 dan ahli baru, Anas Tahir, 29, ini menyifatkan peralihan mereka adalah dari segi imej serta konsep lebih segar.

Kumpulan yang sudah berusia 15 tahun ini masih mengekalkan dakwah menerusi penyampaian muzik, cuma konsep dan lirama-nya lebih santai, bertujuan menarik pendengar pelbagai peringkat usia.

Tidak takut dengan penatinaan negatif orang ramai, Idzwan menegaskan, setiap perubahan pastinya mengambil masa untuk diterima.



● BERNAMA/SHUKRI/BERITA HARIAN

MUKHRIZ (kanan) dan Dr Mohamed Mustafa Ishak (dua dari kanan) bersama kumpulan Firdaus melancarkan album berjudul Saat Terindah.

"Mungkin disebabkan album pertama dan kedua berkonsepkan nasyid sepenuhnya, orang ramai nampak janggal apabila kami berbubah hala," katanya ketika ditemui

pada pelancaran album terbaru yang diberi judul *Saat Terindah*, di ibu kota, semalam. Menggunakan 'diskografi' sebagai tema, ia memaparkan perjalan

Firdaus ubah hala tarik pendengar

nan kumpulan itu sejak 1997.

"Pelbagai dugaan sudah kami tempuhi. Sebagai contoh, untuk mengeluarkan album ini kami mengalami masalah kewangan. Sebab itu kami mengambil masa lima tahun untuk menyiapkannya. "Ja dihasilkan daripada titik peluh kami sendiri. Kami mengambil masa dua hingga tiga tahun untuk mengumpul duit mencukupi," ujar Idzwan.

Mempertaruhkan lagu *Sabar Sejalah* sebagai single pertama, Firdaus bekerjasama dengan Cat Farish, Zizan Razak dan BoeRu menerusi lagu itu yang diharapkan dapat mengukuhkan semula jenama mereka.

Firdaus turut bekerjasama dengan Noh Hujan, Zahid, Sheila Abdul, Faizal Tahir, Neves Pretty Ugly, Yasin dan Haris Isa untuk memantapkan lagi album ini. Memuatkan sembilan lagu, *Saat Terindah* menggabungkan pelbagai genre seperti rock alternatif,

balada dan hip hop.

Mereka juga berasakan elemen harmoni Firdaus lebih baik apabila la Anas, yang juga adik penyanyi Faizal Tahir, menyertai kumpulan itu dua tahun lalu. Kata Anas, mereka sudah saling mengenali sejak 2004 lagi. Ketika itu, dia dan abangnya banyak bekerjasama bersama Firdaus, menghabiskan masa di studio merakam lagu masing-masing.

"Sebelum saya melanjutkan pelajaran ke United Kingdom lagi saya banyak menghabiskan masa di studio bersama mereka. Pada masa itu, saya hanya penyanyi latar kepada lagu mereka. Selepas lama berhubung, mereka menyatakan hasrat mengambil saya sebagai ahli kumpulan. Kebetulan, saya sendiri memang minat menyanyi berkumpulan," katanya.

Album edaran Warner Music itu dilancarkan Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Mukhriz Mahathir. Turut hadir ialah Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM), Profesor Datuk Dr. Mohamed Mustafa Ishak.